

13 MAY 2000

Mahathir-Penuntut

UMNO PERLU MASUKI UNIVERSITI, DEKATI PELAJAR, BERI PENJELASAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Umno menubuhkan pasukan yang diberi tugas mendekati penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi.

Pasukan itu akan berperanan memberikan penerangan kepada penuntut universiti mengenai Umno dan perjuangannya yang telah membawa manfaat termasuk membolehkan mereka belajar di universiti.

Katanya dengan penerangan yang diberikan itu, penuntut universiti akan mempunyai maklumat politik yang betul dan tidak hanya mendengar daripada pihak pembangkang yang memang sudah masuk ke universiti bagi mempengaruhi pelajar menentang kerajaan.

"Saya minta kita mesti susuli segala usaha kita hingga ke akhir. Kalau kita bagi biasiswa untuk belajar, kita tubuhkan universiti begitu banyak, Umno mesti ada pasukan yang masuk ke dalam universiti," katanya ketika menggulung perbahasan di akhir perhimpunan agung Umno di sini, hari ini.

Beliau mengaku bersalah kerana beliaulah yang melarang mana-mana pihak daripada mempengaruhi penuntut, mendekati penuntut dan menyampaikan maklumat politik kepada mereka.

Menurutnya, Umno sebagai parti yang patuh kepada undang-undang tidak mengganggu penuntut tetapi parti lawan tidak mengendahkannya dan masuk ke dalam universiti menghasut penuntut sehingga menjadi penentang yang kuat tanpa mempedulikan sama ada penuntut dapat belajar atau tidak.

Perdana Menteri berkata sebagai sebuah kerajaan yang baik, kerajaan Barisan Nasional berbuat bermacam-macam untuk rakyat, untuk Bumiputera dan untuk orang Melayu tetapi setiap kali berbuat kebajikan, ia mendapat hasil yang tidak baik.

Beliau memberi contoh bahawa dahulu tidak ramai orang Melayu dapat biasiswa dan pergi ke universiti tetapi hari ini puluhan ribu sudah ke menara gading.

"Bila kita buat perkara ini yang kita anggap ibadat, kita percaya mereka tentulah akan merasa terhutang budi kepada kita dan akan berterima kasih dan menyokong kita.

"Tetapi kita biarkan begitu sahaja dan orang lain pergi mempengaruhi mereka sehingga mereka kuat menentang kita," katanya.

Menurutnya itu kerap berlaku kepada Umno termasuklah dalam menyediakan agensi kerajaan, perniagaan kerajaan yang besar, mengangkat pegawai dan pengurus Melayu yang diharapkan berterima kasih tetapi mereka tidak berterima kasih.

"Sebabnya ialah kerana selepas kita buat kerja, kita tidak menyusuli dengan mendekati diri kita dengan mereka," kata Perdana Menteri, yang menegaskan bahawa kesalahan Umno ialah ia tidak membuat susulan terhadap usaha baik yang dijalankannya, tidak menerangkan mengenai Umno dan perjuangannya yang membuahkan nikmat itu.

Setelah menghantar mereka ke universiti, memberi pelajaran, memberi tempat bekerja, kita percaya mereka akan menyokong kita sebab itu kita tidak mendampingi mereka dan menjelaskan kepada mereka sehingga mereka terdedah kepada hasutan parti lawan dan menjadi penentang Umno dan kerajaan, katanya.

Beliau tidak mengulas lanjut mengenai pasukan yang perlu dibentuk oleh Umno itu tetapi berkata pasukan itu tidak perlu takut di "boo" oleh para pelajar dalam menjalankan tugas murni mereka untuk memberikan penerangan mengenai perkara yang benar.

"Jangan takut orang boo, pergilah, jangan takut, tak mati kerana boo," kata beliau disambut gelak ketawa para perwakilan.

-- BERNAMA
MNY RON